

**APMM Gerakkan Aset Cari Pesawat MAS**  
**Bernama**  
**8 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 8 Mac (Bernama) -- Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah menggerakkan sebuah pesawat udara dan tiga kapal laut Sabtu bagi membantu operasi mencari dan menyelamatkan pesawat Malaysia Airlines yang dilaporkan hilang awal hari ini.

Pengarah C3i (Command, Control, Communication and Information) APMM, Kapten Maritim Hamid Mohd Amin ketika dihubungi Bernama berkata aset APMM terbabit digerakkan pada 8.30 pagi.

"Pesawat terbabit ialah pesawat udara CM415 dan kapal laut itu, KM Segantang, KM Amanah dan KM Langkawi," katanya.

Kesemua aset berkenaan digerakkan ke lokasi terakhir penerbangan MH370 itu dikesan sebelum terputus perhubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara Subang pada 2.40 pagi.

Pesawat B777-200 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada 12.41 pagi dan dijadual mendarat di Beijing pada 6.30 pagi.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1020287>